



Brightstar™

**KOD ETIKA &
TATAKELAKUAN
BRIGHTSTAR**



**NILAI
KITA**



**KEUTAMAAN
PELANGGAN**

Kami mengutamakan pelanggan, dalaman dan luaran. Kami sangat memahami keperluan pelanggan-pelanggan kami dan menyampaikannya melalui inovasi dan semangat keusahawanan

Kepercayaan diperolehi dengan menyampaikan komitmen kami kepada pelanggan dengan integriti. Kami mesti meletakkan kepercayaan di antara satu sama lain dengan melakukan perkara yang betul sepanjang masa



KEPERCAYAAN



**NILAI
KERJASAMA
DILHAMKAN**

Kami bersemangat dan bergabung fikiran bersama-sama untuk menyampaikan idea besar yang akan datang dan untuk menyelesaikan masalah yang kompleks - di seluruh syarikat dan di seluruh benua

Kami mendorong ke arah kecemerlangan. Sebagai pemimpin industri kami terus memberi tumpuan kepada peningkatan perniagaan pelanggan kami dengan membangunkan dan melaksanakan penyelesaian transformatif.



**USAHA
KECEMERLANGAN
YANG
BERTERUSAN**

PANDUAN ANDA KEPADA ETIKA

6

Komitmen kami

.6


- . Pematuhan Terpakai kepada semua Kami
- . Pengakuan
- . e-Pembelajaran/Latihan Bersemuka/Komunikasi/Polisi
- . Polisi Pintu Terbuka
- . Di manakah Laporan Boleh Dibuat
- . Toleransi Sifar untuk Pelanggaran Pematuhan atau Tindakan balas bagi Laporan Kebimbangan
- . Inisiatif “Katalah Sesuatu”

11

Rekod Perniagaan yang Tepat

.11

- . Dokumentasi
- . Pengauditan
- . Pendedahan
- . Tanggungjawab Beretika untuk Pekerja yang Terlibat dalam Inisiatif Awam
- . Tanggungjawab Pemegang Saham & Media
- . Melindungi Maklumat Bukan Umum & Mencegah Perdagangan Orang Dalam
- . Maklumat Sulit



16

Mencegah Konflik Kepentingan & Mengamalkan Pengurusan Risiko secara Wajar .16

- . Konflik Kepentingan
- . Hadiah-hadiah
- . Lawatan & Hiburan
- . Transaksi Pihak yang Berkaitan
- . Anti Rasuah & Anti Sogokan
- . Anti Persaingan
- . Anti Pemboikotan
- . Pematuhan Perdagangan
- . Pencegahan Pengubahan Wang Haram
- . Tanggungjawab berkaitan dengan Kontrak-kontrak Kerajaan

26

Menggalakkan Persekitaran yang Sihat, Hormat-Menghormati & Selamat .26

- . Kesihatan & Keselamatan
- . Kepelbagaian, Peluang Sama Rata dan Layanan Adil
- . Perhubungan Pihak Ketiga
- . Diskriminasi & Gangguan
- . Perlindungan Privasi & Data
- . Keganasan
- . Penggunaan Wajar Harta Syarikat
- . Penyalahgunaan Dadah & Alkohol
- . Masa Kerja & Faedah
- . Salah laku Kerja
- . Alam Persekitaran

24

Elektronik, Media Sosial & Perisian .24

- . Penggunaan & Perlindungan Wajar Sistem Syarikat
- . Harta Intelek

KESIMPULAN .31

Komitmen kami

Bergerak pantas? Ya. Jalan pintas pematuhan? Tidak.

Pematuhan Terpakai kepada Semua Kami

Tanggungjawab bagi pematuhan, termasuklah kewajipan untuk mendapatkan nasihat apabila anda mempunyai soalan atau ragu-ragu tentang bagaimana untuk menangani keadaan, dipegang setiap ahli komuniti Brightstar. Kod Kelakuan & Etika (“Kod”) kami terpakai kepada semua orang yang bekerja dalam komuniti Brightstar, termasuklah Lembaga Pengarah, pihak pengurusan, pihak pembekal, pihak penjual dan anda! Kami mengenal pasti bahawa mana-mana program pendidikan dan latihan, tidak kira sama ada ia menyeluruh, tidak boleh menjangka setiap keadaan yang mungkin berlaku. Sebab itu kami berdedikasi untuk memberikan maklumat pematuhan kepada semua orang, dan untuk bertindak balas kepada semua pertanyaan pematuhan.

Pengakuan

Semua pekerja Brightstar dikehendaki mengakui Kod Etika dan Tatakelakuan dengan cara membaca dan memahami isi kandungan keseluruhannya. Kami mengakui Kod semasa pengambilan pekerja dan juga pada setiap tahun. Kami bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan-peraturan dan Kod yang berkaitan. Kami berusaha untuk membiasakan diri kami dengan nilai-nilai syarikat dan keupayaan untuk membuat pilihan yang baik di dalam dan di luar tempat kerja.

Di samping itu, kami semua bertanggungjawab untuk membaca dan memahami semua polisi dan prosedur syarikat. Sila pastikan anda menyemak panduan ini dan mematuhi dengan sewajarnya. Polisi-polisi tertentu yang berkaitan dengan topik yang dibincangkan dalam Kod ini adalah rujukan yang berguna dan memberi gambaran yang menyeluruh.

e-Pembelajaran/Latihan Bersemuka/Komunikasi/Polisi

Bagi memastikan tanggungjawab dan meningkatkan pengetahuan dalam komuniti kami, kami menawarkan latihan dalam talian (e-pembelajaran) pada pelbagai topik pematuhan. Program-program e-Pembelajaran kami boleh didapati secara mudah dalam pelbagai bahasa untuk membantu anda memahami jangkaan syarikat.

Kami tidak sabar-sabar untuk menguatkan pemahaman setiap ahli syarikat kami di setiap peringkat. Matlamat kami adalah untuk mewujudkan sebuah komuniti yang berkuasa dan bersatu di seluruh dunia. Untuk mencapai matlamat ini, beberapa pasukan jabatan kami berdedikasi untuk melatih setiap pekerja dalam komuniti global kami melalui latihan web dan komunikasi bersemuka. Di samping itu, polisi-polisi syarikat kami menawarkan penerangan yang terperinci tentang bagaimana perniagaan kami dijalankan. Jangan ragu-ragu untuk merujuk kepadanya untuk maklumat lebih lanjut tentang topik-topik dalam Kod ini.

Polisi Pintu Terbuka

Brightstar komited untuk memberi kebebasan kepada pihak pekerja untuk meluahkan sebarang kebimbangan tanpa rasa takut dengan tindakan balas. Anda harus sentiasa rasa selesa untuk melaporkan sebarang isu kepada pengurus anda atau seorang eksekutif Brightstar. Selain itu, anda boleh melaporkan sebarang kebimbangan kepada wakil SM, Peguam, Ketua Etika & Pematuhan atau mana-mana pegawai atau pengurus lain anda yang anda rasa selesa untuk bercakap dengan di Brightstar. Kami menawarkan pelbagai cara bagi anda untuk menyuarakan kebimbangan anda. Dengan cara ini, seseorang akan sentiasa mendengar dan membantu anda.

Di mana untuk Membuat Laporan

Sekiranya anda mengalami sebarang tindakan balas kerana usaha niat baik anda, tidak kira di mana anda beroperasi, anda mesti menghubungi wakil SM, Peguam, Ketua Etika & Pematuhan, atau mana-mana pegawai atau pengurus lain dengan segera yang anda rasa selesa untuk bercakap dengan sama ada secara elektronik atau bersemuka. Juga, jika anda mengetahui bahawa pelanggaran yang telah berlaku, atau merasakan bahawa sesuatu akan berlaku, sila menghubungi salah satu sumber kami.

Ingatlah, pelanggaran etika memberi kesan kepada semua orang. Laporkannya dengan segera.

Selain menghubungi seseorang secara langsung, anda juga boleh mendapatkan pilihan kami yang lain untuk melaporkan, termasuklah talian bantuan sulit dan laman web. Kami menggalakkan anda melaporkan sebarang pelanggaran melalui pilihan-pilihan ini dengan melakukan salah satu daripada yang berikut:

- Memfailkan laporan di laman web EthicsPoint: www.brightstar.ethicspoint.com
- Menghubungi talian bantuan: 877-307-1218 (bebas tol di Amerika Syarikat, Guam, Puerto Rico dan Kanada) ATAU
- Pilih negara anda di Arahan Mendail Bebas Tol Antarabangsa di laman web EthicsPoint untuk mencari talian bantuan yang terdekat

Talian bantuan dan laman web disediakan selama

24/7
Jam Setiap Hari hari seminggu.

Satu peringatan: EthicsPoint BUKANLAH 911 atau Perkhidmatan Kecemasan. Jangan gunakan laman web ini untuk melaporkan peristiwa-peristiwa ancaman serta merta kepada nyawa atau harta. Laporan yang dikemukakan melalui perkhidmatan ini mungkin tidak menerima maklum balas serta-merta. Jika anda memerlukan bantuan kecemasan, sila hubungi pihak berkuasa tempatan anda atau mendail nombor 911.

Toleransi Sifar Akibat Pelanggaran Pematuhan atau Tindakan balas bagi Laporan Kebimbangan

LANGKAH 1

Mematuhi Kod Kelakuan & Etika.

Mengapa?

Mematuhi Kod tersebut menyumbang kepada budaya etika syarikat dan menguatkan reputasi kami. Gagal untuk mematuhi boleh menyebabkan penamatan pekerjaan atau kontrak, atau hukuman perundangan yang lebih serius.

LANGKAH 2

Dengan niat yang baik melaporkan mana-mana pelanggaran Kod yang disyaki melalui salah satu sumber kami yang tersedia

Mengapa?

Kami akan berusaha untuk menyiasat apa-apa pelanggaran yang Kod yang disyaki, termasuklah kegagalan untuk melaporkan pelanggaran.

LANGKAH 3

Rasa selesa mengetahui bahawa Brightstar melindungi anda.

Mengapa?

Kami melarang tindakan balas terhadap mana-mana pekerja yang memfailkan laporan berdasarkan kepercayaan munasabah yang baiknya bahawa pelanggaran sebenar atau yang disyaki telah berlaku atau akan berlaku. Kami komited dalam mengambil semua laporan dengan serius dan menanganinya dengan segera.



Inisiatif “Katalah Sesuatu”

Reputasi syarikat kami adalah salah satu aset yang paling penting. Penyertaan aktif anda dalam melaporkan pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki adalah penting dalam menyokong organisasi yang positif dan beretika di seluruh Brightstar.

Garis panduan kami mudah:

Lihat Sesuatu? Dengar Sesuatu? Katalah Sesuatu.

MENJADI SEORANG WIRA ETIKA.

Berbangga dengan budaya syarikat kita dengan menjadikan etika sebagai suatu pilihan yang tepat!

Apabila anda ragu-ragu, tanyalah diri anda soalan-soalan berikut:

- Bolehkah tindakan ini merosakkan reputasi Brightstar?
- Bolehkah tindakan ini merosakkan reputasi saya?
Reputasi keluarga saya?
- Adakah tindakan ini selaras dengan nilai-nilai korporat Brightstar?
- Adakah tindakan ini mengikut undang-undang (di Amerika Syarikat atau mana-mana negara lain yang berkaitan dengan syarikat)?
- Apa yang akan media fikir tentang tindakan ini?
- Apa yang akan pengilang, rakan kongsi perniagaan, atau pihak berkuasa kerajaan fikir tindakan ini?
- Apa yang akan seorang Pegawai atau Pengarah Brightstar fikir tindakan ini?

Sama ada anda pasti atau tidak pasti tentang jawapan anda kepada soalan-soalan ini, kami menjemput anda untuk mendapatkan panduan daripada salah satu sumber kami yang disediakan.

SEMAKAN REALITI

Pada waktu petang Jumaat. Anda sedang menyiapkan projek mingguan anda yang terakhir sambil menikmati cappuccino lazat dari bilik rehat. Apabila anda bersedia untuk meninggalkan pejabat untuk menikmati hujung minggu yang santai dengan keluarga anda, anda didatangi oleh "rakan sekerja" yang anda tidak pernah lihat sebelum ini. Tanpa diketahui oleh anda, "rakan sekerja" tersebut adalah seorang juruaudit yang menjalankan kaji selidik rutin ke atas pengetahuan pihak pekerja kini mengenai Kod Etika dan Tatakelakuan syarikat. Secara sopan dia bertanya beberapa soalan kepada anda mengenai apa yang perlu dilakukan jika terdapat pelanggaran etika dalam syarikat. Setelah membaca Kod Etika dan Tatakelakuan Brightstar yang menarik, anda kini tahu bagaimana untuk menjawab soalan berikut:

Dimanakah anda boleh buat laporan?

Laman web sulit di www.brightstar.ethicspoint.com atau melalui talian bantuan bebas tol yang ada di laman web kami untuk setiap lokasi anak syarikat.

Kepada siapakah yang anda boleh laporkan?

Seorang wakil HR, Audit Dalaman, Peguam, ketua Etika & Pematuhan, atau mana-mana pengurus atau pegawai lain dalam syarikat.

Bilakah anda boleh melaporkan?

Sebaik sahaja pelanggaran itu berlaku atau dengan segera sebelum ia dijangka berlaku.



REKOD PERNIAGAAN YANG TEPAT

Syarikat-syarikat wayarles terkemuka di dunia memberi kepercayaan kepada Brightstar terhadap produk mereka.
Yang tidak berlaku secara tidak sengaja

Rekod Perniagaan yang Tepat

Kami berikrar untuk memastikan buku-buku dan rekod-rekod sentiasa tepat dan telus. Kami sentiasa memastikan buku-buku dan rekod-rekod kami dibenarkan dan difailkan pada waktu yang tepat dan mencerminkan transaksi-transaksi yang adil. Dengan bantuan kawalan perakaunan dalaman kami, transaksi-transaksi kewangan dalam syarikat diuruskan dengan wajar. Selain itu, kami memastikan bahawa kami mematuhi prinsip-prinsip perakaunan, undang-undang, dan peraturan-peraturan yang diterima secara umum.

Kami mesti menyelesaikan sebarang percanggahan yang didapati di dalam rekod kami dengan memaklumkan pengurusan dan memberitahu secara wajar apa-apa kesannya terhadap pihak pemegang saham, pihak pelanggan dan pihak pembekal perniagaan. Anda tidak harus memalsukan, memberi gambaran yang salah atau mengubah rekod syarikat. Ini termasuklah keadaan di mana maklumat disembunyikan dengan sengaja, dan juga situasi di mana seseorang itu membantu dalam memalsukan rekod. Anda mesti melaporkan sebarang pelanggaran mengenai penyimpanan rekod kepada salah satu sumber kami dengan segera.

Dokumentasi

Kami berdedikasi mengekalkan dokumentasi jualan, pesanan pembelian, kawalan inventori dan apa-apa transaksi lain dengan tepat yang dilakukan secara tempatan atau di peringkat antarabangsa dengan syarikat kami. Ianya adalah penting bahawa kami meminta dan mendapatkan apa-apa dokumentasi yang berkaitan daripada pihak pelanggan, pihak penjual dan pihak ketiga lain yang terlibat dalam transaksi-transaksi tersebut. Kami percaya dalam dokumentasi yang tepat kerana ia dapat meningkatkan kredibiliti dan integriti syarikat kami.

Pengauditan

Juruaudit dalaman dan luaran memainkan peranan penting dalam syarikat kami dengan menyediakan penilaian keberkesanan kawalan dalaman ke atas perakaunan, operasi, dan fungsi pentadbiran kepada pasukan pengurusan kami. Juruaudit-juruaudit kami bertanggungjawab untuk menjalankan pemeriksaan yang objektif dan bebas ke atas syarikat. Mereka memastikan untuk menitikberatkan integriti, kejujuran dan moral perniagaan yang tinggi syarikat. Kami percaya dalam kerjasama sepenuhnya dengan pasukan audit kami. Kami tidak bertolak ansur dengan perbuatan kenyataan palsu atau mengelirukan yang sengaja kepada mana-mana juruaudit kami.

Pendedahan

Pendedahan adalah penting kepada kejayaan kami. Pendedahan sepenuhnya dan terperinci mengukuhkan lagi tanggungjawab dan bertindak sebagai penghalang kuat terhadap salah laku. Semua dana kewangan, akaun bank dan akaun lain yang berkaitan dengan perniagaan hendaklah didedahkan dengan wajar dalam buku-buku akaun syarikat untuk mengekalkan integriti. Kami menggalakkan anda untuk mengesahkan bahawa tiada dana, aset, liabiliti, pendapatan atau perbelanjaan syarikat disembunyikan atau direkodkan secara tidak lengkap atau tidak wajar.

Tanggungjawab Beretika bagi Pekerja yang Terlibat dalam Inisiatif Awam

Kami komited untuk menjalankan semua tanggungjawab pendedahan awam dengan cara yang lengkap, adil, tepat dan tepat pada masanya. Kadang-kadang, pihak pekerja atau pegawai yang tertentu akan dipanggil untuk memberi maklumat kepada jabatan perakaunan atau juruaudit kami untuk tujuan pendedahan awam. Kami berharap pasukan kami mengenal pasti apa-apa maklumat yang diminta dengan segera dan betul.

Lebih khusus lagi, jabatan perakaunan dan jawatankuasa audit kami mempunyai tanggungjawab khas untuk menggalakkan integriti di seluruh organisasi kami. Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, jabatan perakaunan dan jawatankuasa audit kami mempunyai tanggungjawab khas bagi menegakkan integriti syarikat dalam melaporkan keputusan dan keadaan kewangan.

Jika anda tahu atau mengesyaki apa-apa kelakuan yang boleh menjejaskan keupayaan kami dalam mendedahkan laporan-laporan awam, termasuklah dokumen yang difailkan dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa (SEC), anda perlu segera menghubungi salah satu sumber kami.



Tanggungjawab Pemegang Saham & Media

Kami berdedikasi dalam mematuhi kehendak undang-undang dan peraturan mengenai apa yang kami katakan tentang syarikat kami. Ini merangkumi kenyataan-kenyataan yang dibuat semasa interaksi kami di pejabat, sehinggalah kenyataan yang dibuat di laman media sosial (contohnya Facebook, Twitter, dan lain-lain).

Kita semua mesti berhati-hati bagaimana kita memberi reaksi terhadap apa-apa berita atau maklumat tentang syarikat kami. Hanya jabatan pemasaran dan komunikasi diberi kuasa untuk bertindak dan menangani apa-apa maklumat mengenai syarikat kami di media. Oleh kerana kami menyokong komunikasi telus dan menghormati pihak pemegang saham kami, kami bertindak balas kepada tindakan yang memberi kesan kepada persekitaran dalaman dan luaran kami secara positif.

Jika anda dihubungi oleh pihak media, permintaan itu hendaklah dikemukakan kepada mediarelations@brightstarcorp.com. Jika anda dihubungi oleh media dan ia melibatkan perkara perundangan, permintaan itu hendaklah dikemukakan kepada Peguam kami. Jika anda dihubungi oleh seorang pemegang saham, permintaan itu hendaklah dikemukakan kepada Naib Presiden Eksekutif Kewangan dan Ketua Pegawai Kewangan kami.

Melindungi Maklumat Bukan Umum & Mencegah Perdagangan Orang Dalam

Au cours de votre activité pour l'entreprise Brightstar, il se peut que vous aSemasa bertugas bagi pihak Brightstar, anda mungkin mengetahui beberapa maklumat sulit tertentu yang layak dikenali sebagai "maklumat bukan umum." Mungkin maklumat ini adalah mengenai Brightstar, salah seorang daripada pihak pelanggan, pembekal, rakan kongsi perniagaannya atau pihak ketiga lain. Bahan Maklumat Bukan Umum termasuklah maklumat yang mungkin anda kongsi dengan atau terima daripada pihak ejen, rakan perniagaan atau rakan-rakan sekerja! Ianya juga termasuklah sebarang maklumat teknikal atau perniagaan yang dimiliki secara persendirian dalam syarikat. Ianya adalah penting untuk menyimpan maklumat tersebut kerana maklumat ini menambah nilai kepada syarikat kami dan mengekalkan daya saing kami di dalam pasaran yang berkembang pesat. Anda tidak perlu mendedahkan bahan maklumat bukan umum kepada sesiapa sahaja di luar syarikat, termasuklah ahli keluarga dan rakan-rakan, dan hanya boleh didedahkan kepada rakan-rakan sekerja berdasarkan apa yang perlu diketahui.

Kami memerlukan anda mendapatkan kebenaran yang sewajarnya sebelum apa-apa maklumat bukan umum dikongsi dengan orang ramai atau mana-mana pihak ketiga yang lain. Jika anda meninggalkan komuniti Brightstar, maklumat bukan umum tidak boleh dikongsi bersama dengan majikan baru atau sesiapa sahaja.

Kami melarang sesiapa sahaja dalam komuniti Brightstar daripada berdagang dalam mana-mana sekuriti Brightstar, atau sekuriti untuk pembekal, pelanggan atau pesaing. Jika anda menyedari mengenai apa-apa maklumat bukan umum yang telah dikongsi tanpa kebenaran, sila hubungi salah satu sumber yang ada dengan segera dan buat rujukan ke atas polisi-polisi syarikat kami.

Maklumat Sulit

Salah satu ciri yang paling menarik seperti bekerja di sebuah syarikat yang mempunyai kepelbagaian seperti Brightstar adalah merahsiakan maklumat sulit dan rahsia perdagangan unik syarikat. Ini merangkumi senarai pelanggan sehinggalah strategi harga bagi produk dan perkhidmatan baru; ia termasuklah maklumat mengenai pelanggan, pembekal atau rakan kongsi perniagaan Brightstar yang sulit, sensitif secara kompetitif dan/atau hak milik. Anda perlu mengambil kira maklumat syarikat, termasuklah bahan maklumat bukan umum, merahsiakan dan/atau sensitif secara kompetitif melainkan jika maklumat itu dengan rasmi telah dikeluarkan secara terbuka oleh Brightstar kepada orang ramai.

Sebagaimana ianya sukar untuk menahan keinginan untuk berkongsi maklumat ini dengan seluruh dunia, ianya penting untuk kami menjaga rahsia sulit persendirian, di dalam syarikat Brightstar (dan rakan-rakannya), dan hanya berkongsi dengan rakan-rakan kami berdasarkan apa yang perlu diketahui. Kami perlu memastikan untuk tidak secara langsung atau tidak langsung berkongsi rahsia ini dengan sesiapa sahaja yang bekerja di luar syarikat, atau membenarkan rahsia tersebut untuk menjadi umum. Selanjutnya, perkongsian maklumat sensitif oleh pihak penulis blog atau laman web lain adalah dilarang dengan tegas.

Kami mengikuti amalan ini kerana melindungi maklumat syarikat dan rakan-rakan kongsi perniagaannya bukan sahaja suatu keutamaan, tetapi juga merupakan faktor kritikal dalam kejayaan kami.



integriti
komitmen
nilai yang
syarikat
yang
lebih baik

SEMAKAN REALITI

Charlie bekerja di jabatan undang-undang di syarikat itu. Saudaranya, Gary, kerja di jabatan kewangan di sebuah syarikat subsidiari. Charlie sedang membuat perjanjian penggabungan besar yang akan memberikan syarikatnya kelebihan daya saing yang besar dalam pasaran. Kontrak itu belum muktamad dan syarikat itu tidak berkongsi tentang perjanjian penggabungan tersebut dengan orang ramai.

Beberapa hari kemudian, semasa bermain golf dengan saudaranya Gary, Charlie bersahaja apabila menyebut perjanjian penggabungan itu. Charlie berasa kesal memberitahu Gary kerana dia tahu dia tidak boleh berkongsi apa-apa maklumat Bukan Umum (dia juga sedar mengenai sifat tamak Gary). Gary meyakinkan abangnya bahawa dia tidak akan membeli apa-apa saham dalam syarikat itu sehingga berita itu menjadi awam.

Selepas beberapa minggu tidak mendengar apa-apa berita besar dari syarikat itu, Gary menjadi tidak sabar. Dia tahu dia berjanji dengan abangnya bahawa dia tidak akan secara peribadi melabur dalam syarikat itu, tetapi dia bimbang kalau dia tidak mendapatkan keuntungan. Dia tertanya-tanya jika dia boleh memberitahu kawannya Steve tentang berita itu, dan membayarnya untuk membuat pelaburan untuknya.

Bolehkah Gary memberitahu orang lain tentang maklumat bukan umum secara sendiriian dengan membuat Steve melabur untuk dirinyaa?

Sama sekali tidak. Keadaan akan menjadi lebih buruk jika Gary memberitahu rakannya tentang maklumat tersebut. Walaupun Gary adalah sebahagian daripada ahli keluarga Charlie, Charlie tidak dibenarkan berkongsi maklumat bukan umum dengannya sejak awal lagi, tanpa mengira pekerjaan Gary di sebuah syarikat subsidiari. Satu-satunya cara Charlie akan dibenarkan untuk memberitahu Gary jika Charlie mendapat kelulusan daripada syarikatnya terlebih dahulu.

Selanjutnya, Gary tidak dibenarkan untuk memberitahu orang lain mengenai maklumat sehingga ia dijadikan maklumat awam. Dia tidak boleh membuat pelaburan, dan juga bukan dibuat oleh rakannya untuk dirinya. Berdasarkan senario-senario fakta tertentu, ini juga boleh dianggap perdagangan orang dalam dan melanggar undang-undang lain, yang tertakluk kepada denda dan/ atau dipenjarakan.



MENCEGAH KONFLIK KEPENTINGAN & MENGAMALKAN PENGURUSAN RISIKO SECARA WAJAR

Perkhidmatan bertaraf dunia memerlukan dedikasi bertaraf dunia – dari mula hingga akhir.

Konflik Kepentingan

Dasar Brightstar mengenai konflik kepentingan adalah mudah - anda perlu sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik Brightstar sepanjang masa. Konflik kepentingan mungkin timbul apabila anda:

- Memperolehi kepentingan bahan dari mana-mana pembekal, pesaing atau pelanggan Brightstar
 - Menerima sebarang perundingan peribadi atau hubungan pekerjaan yang, atau mungkin, berdaya saing dengan Brightstar.
 - Melibatkan diri dalam sebarang aktiviti perniagaan luar yang, atau mungkin, berdaya saing dengan perniagaan atau kepentingan Brightstar.
 - Menerima sebarang pekerjaan luar yang mungkin memberi kesan kepada keupayaan untuk menumpukan jumlah yang masa dan perhatian sesuai kepada Brightstar.
 - Bertugas sebagai pegawai, pengarah, atau sebarang kapasiti lain bagi mana-mana pelanggan, pembekal, atau pesaing Brightstar, melainkan jika diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.
- Menyelia, mempengaruhi, mengkaji semula, atau mempunyai pengaruh terhadap penilaian kerja, pampasan, atau faedah untuk mana-mana “ahli keluarga” yang merupakan seorang pekerja Brightstar.
 - Pada masa ini atau sebelum ini telah terlibat dalam pemberian atau mentadbir kontrak untuk Brightstar sebagai pekerja kerajaan.
 - Secara haram melakukan atau membuat orang lain untuk melakukan, sumbangan politik kepada calon-calon politik, organisasi politik atau pihak-pihak yang mungkin menggunakan sumbangan untuk calon-calon politik.
 - Memindahkan pinjaman-pinjaman peribadi dari syarikat kepada mana-mana pekerja kami, termasuklah pihak pegawai eksekutif.
 - Menerima pinjaman bagi pihak syarikat tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada mana-mana perniagaan lain, termasuklah ahli sekutu kami.

NOTA: Jika pada bila-bila masa anda bekerja di Brightstar anda menghadapi konflik kepentingan sebenar atau berpotensi, anda mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan konflik tersebut dengan segera. Pada kebanyakan masa konflik boleh diselesaikan melalui perbincangan terbuka dan telus.

Hadiah

Kami tahu apa yang anda sedang fikirkan. Bagaimanakah sebuah hadiah boleh menjadi perkara yang tidak baik? Berita baiknya adalah, kadang-kadang hadiah boleh diterima. Berita yang tidak begitu baik ialah kami perlu berhati-hati apabila memilih apa jenis hadiah untuk diberi dan terima, dengan siapa kita memberinya atau menerimanya daripada siapa, dan bagaimana mereka dilihat dalam hubungan perniagaan kami.

Sebuah "Hadiah" adalah **apa-apa**, yang bernilai. Ini merangkumi pen-pen promosi sehinggalah sebiji botol wain yang mahal. Jika ia mempunyai nilai, ia adalah sebuah hadiah. Di samping itu, "Layanan mesra" merupakan suatu hadiah. Contohnya layanan mesra adalah penerbangan percuma dan tiket untuk sesuatu acara yang diberikan kepada anda oleh vendor.

Semua Hadiah mesti dilaporkan melalui "Alat Hadiah" yang terletak dalam intranet Brightstar. Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai apa yang ditakrifkan sebagai hadiah dan/atau apa yang wajar, sila hubungi Jabatan Undang-undang Brightstar atau ketua Etika & Pematuhan.

Berikut adalah beberapa panduan:



- Hadiah adalah sesuai dalam keadaan-keadaan tertentu. Sebagai contoh, ia mungkin sesuai di mesyuarat perniagaan di negara lain di mana ia adalah ihsan budaya untuk bertukar-tukar hadiah kecil penghargaan. Jika Hadiah tersebut itu memenuhi kehendak yang dinyatakan dalam Polisi Hadiah Brightstar, ianya wajar.



- Hadiah-hadiah tidak sesuai jika ianya tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan dalam Polisi Hadiah Brightstar dan tidak menerima kelulusan yang diperlukan terlebih dahulu. Ia tidak sesuai jika ia digunakan untuk tujuan mempengaruhi tindakan atau keputusan perniagaan. Ia tidak boleh digunakan untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau untuk mengarahkan perniagaan kepada orang atau syarikat lain, termasuklah kerajaan, pegawai kerajaan dan parti-parti politik (tempatan atau asing). Dasar kami melarang untuk menerima apa-apa hadiah dari Pegawai Kerajaan. Di samping itu, satu-satunya Hadiah yang boleh diberikan kepada Pegawai Kerajaan adalah Item Promosi sebagaimana yang ditakrifkan dalam Polisi Hadiah.



Polisi Hadiah kami menghendaki supaya kami melaporkan sebarang penerimaan hadiah daripada pelanggan, vendor, kontraktor dan kenalan perniagaan lain. Mempunyai reputasi yang jujur dan dihormati adalah penting untuk syarikat dan budaya kami. Seperti yang dinyatakan di atas, pihak pekerja harus mendapatkan Polisi Hadiah Brightstar untuk mendapatkan panduan lanjut.

Lawatan & Hiburan

Lawatan adalah sumber perniagaan dan satu cara untuk mencapai matlamat perniagaan. Semua pekerja mesti mematuhi polisi dan proses kelulusan Brightstar bagi semua perjalanan perniagaan, hiburan perniagaan dan laporan perbelanjaan di seluruh dunia.

Semua pekerja dikehendaki menggunakan pertimbangan perniagaan profesional mereka apabila menanggung perbelanjaan bagi pihak Syarikat. Pekerja harus mendapatkan Polisi Lawatan dan Hiburan Brightstar untuk mendapatkan panduan lanjut.

Transaksi Pihak Berkaitan

Sebuah transaksi dengan pihak berkaitan adalah suatu perjanjian perniagaan atau perkiraan antara dua pihak yang mempunyai hubungan istimewa yang wujud sebelum hubungan kontrak. Sebagai contohnya, katakanlah ahli lembaga Brightstar memiliki perniagaan yang berasingan dan memutuskan supaya perniagaannya melaksanakan perkhidmatan untuk Brightstar. Ini adalah sebuah transaksi berkaitan pihak. Hubungan istimewa yang wujud di antara pihak-pihak yang terlibat mewujudkan konflik kepentingan kerana mungkin ada tindakan yang memberi manfaat kepada satu atau kedua-dua pihak. Kami mesti mendedahkan dengan wajar jika mana-mana pihak yang berkaitan membuat transaksi bagi pihak Brightstar.



Anti Rasuah & Anti Sokongan

Tidak kira di mana sahaja anda bekerja bagi pihak Brightstar di dunia, terdapat undang-undang anti rasuah dan anti sokongan yang terpakai kepada anda. Kebanyakan negara mempunyai undang-undang anti rasuah dan anti sokongan yang melarang merasuahkan pegawai kerajaan, sama dengan Akta Amalan Rasuah Asing (FCPA) di Amerika Syarikat. Seterusnya, di bawah beberapa undang-undang tempatan, seperti Akta Rasuah United Kingdom (UKBA), memberi rasuah kepada sesiapa (juga dikenali sebagai "rasuah komersil") kedua-duanya mungkin satu perbuatan sivil dan jenayah, sama ada atau tidak yang melibatkan pegawai (seperti yang ditakrifkan oleh UKBA) Kerajaan. Rasuah perdagangan melibatkan pertukaran sesuatu yang bernilai dengan perantara, seperti pelanggan, wakil, atau pembekal, dengan niat mempengaruhi kelakuan komersial. Sebagai pekerja Brightstar, anda tidak boleh terlibat dalam sebarang aktiviti yang tidak wajar yang melibatkan rasuah atau sokongan.



Paling ketara ialah, oleh kerana Brightstar adalah sebuah syarikat dari AS yang juga menjalankan perniagaan di negara-negara lain, semua pekerja di Brightstar, tanpa mengira lokasi peribadi atau tempat perniagaan, hendaklah mematuhi FCPA secara sepenuhnya di samping undang-undang tempatan anti rasuah atau anti sogokan yang terpakai kepada Brightstar apabila ia beroperasi di negara tersebut.

FCPA terpakai kepada individu-individu, syarikat-syarikat, dan perniagaan-perniagaan AS, termasuklah anak-anak syarikat antarabangsa yang dikawal mereka. Akta tersebut memerlukan kami menahan diri secara langsung atau tidak langsung dari menawarkan, membayar, atau menjanjikan apa-apa yang bernilai kepada pegawai kerajaan asing, parti politik, atau calon bagi maksud mendapatkan atau mengekalkan perniagaan. Kami dilarang dari cubaan untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil dengan mengambil bahagian dalam tindakan ini. Di samping itu, rekod dan akaun yang adil dan tepat diperlukan untuk memastikan bahawa tidak ada pelanggaran FCPA dalam syarikat.

Selain itu, kami tidak membuat apa-apa bayaran langsung atau tidak langsung kepada pegawai kerajaan, calon-calon politik, parti politik, pegawai, atau pekerja, pembekal atau pesaing pelanggan jika bayaran tersebut ditetapkan untuk mendapatkan layanan terpilih untuk syarikat atau jika bayaran tersebut akan melanggar undang-undang berkenaan.

Bayaran tidak wajar termasuklah komisen yang belum diperolehi atau bayaran balik, sumbangan atau pinjaman harta syarikat, atau perkhidmatan kakitangan syarikat. Ianya juga boleh termasuk menanggung atau membayar perbelanjaan bagi pihak lain dan membayar ganti pegawai, pekerja, atau ejen syarikat itu bagi pembayaran yang dibuat oleh mereka bagi pihak syarikat. Pihak pekerja perlu merujuk Polisi Hadiah Brightstar untuk mendapatkan panduan dengan lebih lanjut mengenai cara untuk memilih Hadiah yang bertujuan untuk diberi dan Hadiah yang diterima oleh Pegawai-pegawai Kerajaan.



